

## **Bencana Alam dan Impak Banjir Besar 2014 Terhadap Komuniti Tempatan di Hulu Dungun, Terengganu: Satu Perspektif Sosiologi Bencana**

**Sarina Yusoff & Rahimah Abdul Aziz**

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi  
Email of corresponding author: yna\_sarena@yahoo.com

### **Abstrak**

Pada penghujung Disember 2014, banjir besar yang melanda Malaysia khususnya di negeri-negeri Pantai Timur telah mengakibatkan kerugian yang besar dan mengorbankan banyak nyawa. Banjir besar merupakan salah satu daripada bencana alam yang mengakibatkan kemasuhan terhadap harta benda dan persekitaran. Kemasuhan akibat banjir besar ini memberi impak negatif kepada mangsa banjir, persekitarannya mahupun kepada pentadbiran negeri terlibat. Meskipun demikian, sehingga kini, tidak banyak kajian dari sudut sosiologi yang dijalankan mengenai impak bencana banjir di negara Malaysia berbanding di negara-negara lain. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan membincangkan impak sosial yang dialami oleh komuniti tempatan di Hulu Dungun, Terengganu semasa dan selepas bencana banjir berlaku pada tahun 2014. Perbincangan dilakukan dari perspektif sosiologi bencana, iaitu satu bidang baru dalam ilmu sosiologi. Kajian berbentuk kualitatif ini melibatkan seramai 15 orang informan yang terdiri daripada mangsa-mangsa banjir di Hulu Dungun. Hasil kajian mendapat empat aspek utama impak negatif bencana banjir dari sudut sosial yang dialami oleh mangsa banjir di Hulu Dungun iaitu perpindahan penduduk, ekonomi, kesihatan dan suasana hidup. Perpindahan penduduk berlaku apabila mangsa banjir terpaksa berpindah disebabkan sebahagian besar kawasan kediaman mereka ditenggelami air. Dalam aspek ekonomi, kerugian yang dialami oleh mangsa banjir merupakan impak yang paling dirasai ketika itu. Mangsa banjir turut terdedah kepada risiko gangguan emosi seperti tekanan dan trauma akibat bencana banjir yang berlaku. Seterusnya, impak terhadap perubahan suasana hidup sehari-hari juga dirasai oleh mangsa banjir terutama dalam hubungan antara kejiranan. Secara keseluruhan, apabila bencana banjir berlaku di Hulu Dungun pada 2014, impak negatif ke atas penduduk dan alam sekitarnya tidak dapat dielakkan, namun perlu ditangani supaya tidak meninggalkan kesan jangka panjang.

Kata kunci: bencana alam, sosiologi, banjir besar 2014, impak, mangsa banjir

### **1. Pengenalan**

Bencana merupakan suatu kejadian yang berlaku secara tiba-tiba dan boleh mengorbankan nyawa manusia, membawa kerugian harta benda dan turut menjelaskan kegiatan harian penduduk yang terlibat sebagai mangsa. Kaniastry dan Norris (2004) mentakrifkan bencana sebagai suatu gangguan asas dalam konteks sosial yang melibatkan golongan individu dan kumpulan. Manakala, menurut Drabek (2004) pula, bencana merupakan suatu kejadian buruk yang menyebabkan kerugian dan kecelakaan yang besar kepada manusia. Oleh itu, semua peristiwa tragis atau kritikal yang mencapai tahap tinggi daripada kesan kemasuhan yang dibawa olehnya akan dianggap sebagai bencana (March, 2002). Kejadian bencana biasanya berlaku sama ada disebabkan oleh bencana perbuatan manusia (*man-made disaster*) atau bencana alam (*natural disaster*). *Natural disaster* seperti tsunami, tanah runtuhan, gempa bumi, ribut, banjir dan sebagainya boleh berlaku di serata dunia.

Di Asia, statistik menunjukkan semenjak tahun 1992 sehingga tahun 2002, kejadian bencana alam telah menjelaskan kehidupan sejumlah 1.7 juta manusia dan meragut sebanyak 420,867 nyawa. Hal ini turut melibatkan kerugian harta benda sebanyak AS 369,362 juta dolar (Haryati Shafii dan Sharifah

Meryam Shareh Musa, 2009). Misalnya, kejadian Tsunami yang berlaku di Indonesia, Selatan Thailand dan Sri Lanka pada 26 Disember 2004 yang lalu berpunca daripada gempa bumi dari dasar Lautan Hindi yang telah mengorbankan hampir 10,400 nyawa penduduk di Indonesia dan lebih 5,000 nyawa penduduk di Thailand (*International Charter: Space and Major Disasters*, 2004). Disebabkan itu, ratusan ribu nyawa manusia telah hilang dan beberapa kawasan kediaman penduduk di Aceh lenyap dalam sekilip mata. Selain daripada itu, Taufan Haiyan yang melanda Filipina pada 8 November 2013 juga telah meragut lebih 3,900 nyawa dan menyebabkan kemasuhan harta benda serta tempat tinggal terutamanya bagi komuniti yang tinggal di kawasan pesisir pantai.

Pada tahun 2014 yang lalu, terdapat beberapa kejadian banjir besar yang berlaku disebabkan oleh monsun timur laut yang melanda negara-negara tertentu seperti di Indonesia, Thailand, Sri Lanka dan tidak terkecuali di Malaysia (*Borneo Post*, 2014). Di Malaysia, banjir merupakan satu fenomena alam yang kerap kali berlaku dalam bentuk bencana dan membawa risiko kemasuhan yang tinggi kepada penduduk. Banjir boleh dikelaskan kepada dua iaitu banjir kilat dan banjir musiman. Banjir kilat kebiasaannya melanda bandar-bandar besar yang sedang pesat membangun seperti di Kuala Lumpur dan Johor (Rohany Nasir, 2014). Manakala, banjir musiman pula berlaku pada setiap tahun ketika musim tengkujuh di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kejadian bencana banjir yang berlaku pada tahun 2014 merupakan kejadian banjir besar terburuk yang pernah direkodkan dalam sejarah negara Malaysia (Zulhisham Ishak, 2015). Sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1, bencana banjir yang berlaku telah mengakibatkan kerugian sebanyak RM 2.85 billion dan anggaran jumlah mangsa yang terlibat pula adalah melebihi 500,000 orang serta melibatkan 25 kematian (Ibrahim Komoo, 2015). Justeru itu, kertas kerja ini bertujuan membincangkan impak sosial bencana banjir yang dialami oleh mangsa banjir di Hulu Dungun.


Jadual 1: Fenomena bencana banjir di Malaysia 1965-2014

Banjir besar (tahun)	Negeri terlibat	Jumlah kematian (orang)	Anggaran jumlah mangsa terlibat (orang)
1965	Kelantan dan Terengganu	6	300,000
1967	Kelantan, Terengganu dan Perak	50	125,000
1971	Kelantan, Terengganu, Perak dan Selangor (Klang)	61	243,000
1993	Kelantan, Terengganu, Perak, Selangor (Klang), Johor (Muar) dan Sabah	30	20,000
2006	Kelantan, Terengganu, Perak, Selangor (Klang) dan Johor (Muar & Batu Pahat)	52	244,051
2013	Kelantan, Terengganu dan Pahang	17	220,000
<b>2014</b>	<b>Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Johor</b>	<b>25</b>	<b>500,000</b>

Sumber: Ibrahim Komoo, 2015

## 2. Lokasi Kajian

Hulu Dungun merupakan antara kawasan di daerah Dungun yang terjejas teruk ketika banjir gelombang kedua melanda iaitu bermula pada 15 Disember 2014 sehingga 19 Disember 2014 berpunca daripada hujan lebat dan berterusan serta limpahan air dari sungai-sungai utama di negeri dan daerah ini. Oleh itu, tiga buah kampung yang terletak di kawasan Hulu Dungun telah dipilih sebagai lokasi kajian iaitu Kg. Pasir Raja, Kg. Minda dan Kg. Kuala Jengai yang merupakan kampung-kampung utama di kawasan Hulu Dungun yang ditimpa banjir (Rajah 1). Rasional pemilihan ketiga-tiga buah kampung ini adalah atas pertimbangan bahawa kawasan ini merupakan kawasan terendah di Hulu Dungun dan sering dinaiki air apabila berlakunya hujan lebat. Ketiga-tiga kampung ini turut dinaiki air pada paras yang tinggi ketika bencana banjir besar yang berlaku pada penghujung tahun 2014 yang lalu. Justeru itu, kesemua kawasan ini amat bertepatan untuk dijadikan sebagai lokasi kajian bagi membincangkan impak sosial bencana banjir ke atas penduduk di Hulu Dungun ini.



Rajah 1: Lokasi kampung yang terlibat dalam bencana banjir tahun 2014

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu, 2015

### 3. Metod Kajian dan Latar Belakang Informan

Bagi mendapatkan data dan maklumat mengenai impak sosial bencana banjir di Hulu Dungun, penyelidikan telah dijalankan dengan menggunakan data sekunder dan data primer. Data sekunder diperoleh daripada buku, prosiding, jurnal, akhbar dan blog yang berkaitan dengan topik kajian. Manakala, data primer pula diperoleh melalui temu bual mendalam terhadap informan yang dipilih secara rawak mudah daripada tiga buah kampung, iaitu Kg. Pasir Raja, Kg. Minda dan Kg. Kuala Jengai. Seramai 15 orang mangsa banjir dipilih sebagai sampel atau subjek dalam penyelidikan ini. Data yang diperoleh kemudiannya telah ditranskripsi dan dikategorikan mengikut tema secara manual tanpa menggunakan sebarang perisian seperti Nvivo atau ATLAS.ti.

Sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2, kesemua mangsa banjir terdiri daripada etnik Melayu dan beragama Islam. Mereka berumur dalam lingkungan 20an sehingga 80an. Seramai 10 orang informan adalah mangsa banjir lelaki dan selebihnya adalah perempuan. Dari segi status perkahwinan pula, seramai 9 orang mangsa banjir telah “berumahtangga”, tiga orang informan “belum berumahtangga” dan tiga orang informan berstatus telah “berpisah”. Hampir kesemua informan merupakan penghuni yang telah menetap lama di kampung-kampung berkaitan, bahkan ada yang tinggal di kampung-kampung berkenaan semenjak dilahirkan lagi.

Jadual 2 juga menunjukkan tahap pendidikan tertinggi bagi mangsa banjir di Hulu Dungun adalah pada peringkat Ijazah. Dari segi jenis pekerjaan pula menunjukkan seramai lima orang mempunyai jenis pekerjaan dalam sektor kerajaan, tiga orang mangsa banjir yang bekerja sebagai suri rumah, dua orang mangsa banjir bekerja di sektor swasta, diikuti dua orang mangsa banjir bekerja sendiri dan dua orang

mangsa adalah pelajar manakala hanya seorang mangsa banjir yang tidak memiliki pekerjaan. Jumlah pendapatan isi rumah bagi mangsa banjir adalah sekitar RM4,000 sehingga kurang RM1,000.

Jadual 2: Latar belakang mangsa banjir

Informan	Umur (tahun)	Status perkahwinan	Bilangan isirumah (orang)	Tahap pendidikan	Jenis pekerjaan	Pendapatan isirumah (RM)
Pn. Mahirah	33	Berumahtangga	5	SPM	Swasta	2,001-3,000
Pn. Raihan	48	Berumahtangga	7	UPSR	Suri Rumah	4,000 ke atas
En. Zul	42	Berumahtangga	3	Ijazah	Kerajaan	3,001-4,000
Cik Khaireen	16	Belum Berumahtangga	6	STPM	Pelajar	2,001-3,000
En. Mat	84	Berpisah	1	Lain-lain	Sendiri	Kurang 1,000
Pn. Suzana	49	Berumahtangga	6	Diploma	Kerajaan	3,001-4,000
Pn. Mariam	22	Berumahtangga	5	SPM	Suri Rumah	1,001-2,000
Pn. Maziah	56	Berumahtangga	5	SPM	Suri Rumah	1,001-2,000
Cik Zaidah	28	Belum Berumahtangga	4	SPM	Kerajaan	2,001-3,000
En. Mukhtar	43	Berumahtangga	7	SPM	Kerajaan	1,001-2,000
En. Fahmi	22	Belum Berumahtangga	4	Diploma	Pelajar	2,001-3,000
Pn. Shahwani	22	Berumahtangga	4	SPM	Swasta	2,001-3,000
Tok Senik	80	Berpisah	1	Lain-lain	Tidak Bekerja	Kurang 1,000
En. Ismadi	43	Berumahtangga	5	SPM	Sendiri	1,001-2,000
Pn. Mariana	47	Berpisah	4	SPM	Kerajaan	Kurang 1,000

Sumber: Kajian Lapangan, 2016

#### 4. Hasil Kajian dan Perbincangan

Fenomena bencana banjir menjadi tragedi kepada manusia dan alam sekitar kerana mendatangkan pelbagai bentuk kemusnahan dan kerosakan. Kemusnahan akibat banjir besar yang berlaku pada penghujung tahun 2014 telah memberikan impak negatif dari sudut sosial ke atas mangsa banjir di Hulu Dungun. Berdasarkan hasil kajian, impak yang dialami oleh penduduk di Hulu Dungun dalam konteks sosial merangkumi aspek perpindahan penduduk, ekonomi, kesihatan dan perubahan suasana hidup.

##### a. Perpindahan penduduk

Impak sosial yang boleh dilihat daripada kejadian bencana banjir adalah perpindahan penduduk. Kesan daripada kemusnahan tempat tinggal ini menyebabkan penduduk terpaksa berpindah meninggalkan kediaman mereka ke kawasan yang lebih selamat. Berdasarkan data yang diperolehi, jumlah keseluruhan mangsa banjir yang telah dipindahkan di negeri Pahang, Terengganu, Kelantan, Perak dan Johor adalah seramai 225,370 orang. Banjir besar yang berlaku di Hulu Dungun telah menyaksikan

sebahagian besar kawasan kediaman mangsa telah ditenggelami air. Ketika itu, ada mangsa banjir dipindahkan ke pusat pemindahan sementara dan ada juga yang memilih untuk tinggal sementara di rumah kenalan.

Kebanyakan mangsa banjir ketika itu dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan sementara seperti sekolah, kolej, masjid dan dewan orang ramai. Bahkan, ada di antara mereka yang tidak sempat berpindah kerana air naik dengan mendadak. Mereka terpaksa berlindung di tempat tinggi seperti di atas bumbung atau bukit berhampiran menunggu masa untuk diselamatkan dan ada yang berlindung sehingga air kembali surut. Mangsa-mangsa banjir dikehendaki berpindah dari rumah mereka yang dinaiki air semenjak hari pertama bencana berlaku sehingga dibenarkan pulang. Apabila keadaan banjir menjadi semakin serius bilangan mangsa yang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan sementara turut meningkat.

Kesan daripada perpindahan tersebut bukan sahaja boleh menyebabkan tahap kesejahteraan mangsa banjir menurun malah aktiviti harian mangsa banjir dan penduduk di Hulu Dungun turut terganggu. Ini kerana ada dalam kalangan mangsa banjir merasa tidak selesa tinggal di pusat pemindahan dalam tempoh yang lama disebabkan tiada privasi, padat dan keadaan di pusat pemindahan berkenaan yang tidak selesa serta bising. Keadaan ini diakui oleh informan Puan Maziah yang mengatakan tinggal di pusat pemindahan ketika banjir tidak sama suasannya dengan tinggal di rumah sendiri.

*“...bila banjir je memang kena pindah laa... bila kena pindah tue macam-macam laa masalah muncul... semua benda dok (tidak) jadi... lain laa kalau duk kat rumah sendiri... tapi bila fikir bahaya memang kalut nok (nak) kena pindah pula...”*

Selain itu, perpindahan sementara yang berlaku menyebabkan rutin harian mangsa banjir dan penduduk setempat juga terganggu apabila rutin harian yang lazimnya dilakukan oleh penduduk setiap hari akan bertukar menjadi suatu rutin yang tidak dijangka. Ketika bencana banjir berlaku, penduduk disibukkan dengan aktiviti berpindah, menetap di pusat pemindahan dalam tempoh tertentu, mengemas, membersihkan rumah dan sebagainya. Ada di antara mangsa banjir yang terpaksa melupakan sementara urusan kerja dan memohon cuti kerja untuk beberapa hari sehingga kehidupan mereka benar-benar pulih seperti sedia kala.

#### **b. Ekonomi**

Kesan yang paling dirasai mangsa banjir ialah kesan ekonomi. Kejadian bencana banjir telah membawa kerugian kepada ekonomi penduduk sama ada disebabkan harta benda mereka tenggelam ataupun dihanyutkan oleh arus. Kerugian ekonomi ini merupakan impak yang paling besar dan boleh dinilai dari segi wang ringgit. Kehilangan aset melibatkan kerugian daripada pemilikan harta benda oleh mangsa banjir dan penduduk sekitarnya. Terdapat aset yang sama sekali tidak akan dapat dikembalikan seperti kehilangan rumah, kendaraan, barang berharga, perkakas rumah dan barang saraan hidup menyebabkan kemerosotan ekonomi bagi individu dan keluarga terlibat. Taksiran kerugian akibat kerosakan dan kehilangan aset menunjukkan mangsa banjir terpaksa berbelanja untuk menggantikan atau membaikpulih yang telah rosak.

Daripada hasil kajian, kemusnahan dan kerosakan akibat bencana banjir pada tahun 2014 di Hulu Dungun menyebabkan banyak kawasan perkampungan penduduk ditenggelami air. Menurut informan Encik Zulfadzli, hampir kesemua rumah penduduk di Kampung Kuala Jengai telah ditenggelami air dan diselaputi lumpur. Ada juga rumah mangsa yang diperbuat daripada papan telah kehilangan dinding termasuk rumahnya. Hal ini menyebabkan ramai mangsa banjir terpaksa menanggung kerugian dalam sekilip mata disebabkan kemusnahan dan kerosakan tersebut.

*“...boleh dikatakan semua rumoh sini kena laa... paling dok pun tenggelam jugok bahagian tangga... kayu mudah reput... dok (tidak) tahan lama.... mesti kena tukar laa... (sambil ketawa)... tue baru rumoh, dok masuk mende lain lagi.. kete (kereta) rosak... saya nie pun hodoh-hodoh baiki kereta abes jugok RM1,000... yela redah air... kena molek hok kena tukor enjin tue naye (kesian) laa...”*

Menurut informan Puan Raihan pula, beliau terpaksa mengeluarkan sejumlah wang simpanan untuk mengantikan peralatan rumah yang rosak.

*“....semua kena beli baru laaa... nak-nak(terutama) barang letrik... semua dah tenggelam... semua dan rosak... semua harap duit simpanan je hok (yang) ada je...”*

Selain itu, informan Encik Mukhtar turut kehilangan hampir separuh harta bendanya dan rumahnya rosak walaupun tidak dihanyutkan air.

*“...rumah memang dok tenggelam... tapi separuh gok (juga) laa hok rosak... kena baik semula laa... banyak gok rugi...”*

Impak ekonomi daripada kemusnahan dan kehilangan aset ini mengakibatkan satu kejatuhan dalam kualiti hidup atau kemelesetan serius daripada pelaburan sosial. Meskipun terdapat aset gantian hasil daripada sumbangan atau dibeli kemudiannya namun sama sekali tidak dapat menggantikan kehilangan aset sebelum ini yang dianggap sebagai satu kerugian. Keadaan ini bertambah serius apabila mangsa bencana yang tidak mempunyai jaminan sosial seperti insurans menyebabkan proses mendapatkan semula apa yang telah hilang menjadi satu hambatan apabila dipengaruhi oleh faktor umur, kesihatan dan juga kebergantungan (Lindell & Prater, 2003: 178). Bencana banjir yang berlaku bukan sahaja melibatkan kesan ekonomi yang boleh dinilai tetapi secara tidak langsung boleh mengakibatkan kesan emosi yang mendalam kepada mangsa disebabkan oleh kejatuhan ekonomi yang teruk.

### c. Kesihatan

Selain itu, bencana banjir yang berlaku membawa impak terhadap kesihatan mangsa terutamanya terhadap aspek emosi atau psikologi mereka. Kesan psikologikal yang diterima adalah berbeza bagi setiap individu mengikut perbezaan usia, jantina, tempat atau daerah (Rohany Nasir dan Zainah Ahamd Zamani, 2012). Kesan bencana mengikut Norris (2005) termasuk depresi, keimbangan, kecelaruan, panik dan masalah kesihatan. Kebanyakan mangsa banjir mengalami kecemasan (*distress*) kerana merasa terancam, risau dan sedih atas kehilangan yang menimpa diri dan keluarga serta masalah lain seperti kekurangan keperluan asas hidup seperti tempat tinggal, makanan, minuman dan sebagainya.

Hasil temu bual menunjukkan bahawa mangsa banjir melalui pengalaman buruk yang dapat dilihat daripada beberapa aspek. Umumnya, kebanyakan keluhan mangsa berkait dengan kehilangan harta benda (ekonomi) dan aspek masalah atau gangguan fizikal. Walau bagaimanapun, kebanyakan mangsa juga merasakan isu emosi sangat ketara misalnya mereka berasa takut bencana banjir akan berulang lagi dan letih badan kerana membersihkan rumah atau kerja-kerja membaikpulih. Menurut informan Encik Fahmi, beliau merasakan waktu rehatnya tiada disebabkan oleh desakan untuk mengembalikan keadaan seperti sediakala.

*“...penat... letih... stress kadang-kadang fikir... gane (macam mana) nak selesa macam dulu... dok (tidak) tahu laa... masa tue gak... dok pikir ke rehat doh... kita duk sibuk bersih rumah, kemas... ganti apa hok (yang) takdok (tiada)... yela... selagi dok abes (rujuk kepada kerja yang*

*belum selesai)... dok tenang..."*

Mangsa juga mengalami perasaan tidak tenteram dan bimbang setiap kali hujan turun dan paras air mula naik. Mereka bimbang akan berlaku banjir besar lagi dan kehidupan mereka terganggu lagi. Ini kerana saban tahun banjir akan melanda kawasan Hulu Dungun. Walaupun kejadian banjir dianggap sebagai perkara biasa bagi penduduk di Hulu Dungun tetapi kadangkala kejadian banjir boleh bertukar menjadi bencana sekiranya berlaku banjir besar. Menurut informan Puan Maziah, beliau meluahkan rasa takut dan tidak selamat semasa perlu mengharungi air yang dalam.

*"...memang takut dik... sekelip mata je... semua dokdang (tidak sempat)... kami harung air... masa tue dok tahu nok pijok (pijak) kat mana doh... kadang terpijok tempat dalam... eee... ngeri pulok bila fikir... trauma doh wase (berasa) bila ingat... lening bimbang sokmo doh kalo (jika) musim hujan gok... rasa dok tenteram pun ada..."*

Kedua-dua ini jelas menunjukkan mangsa banjir merasakan bahawa kejadian bencana banjir yang berlaku pada tahun 2014 di Hulu Dungun menyebabkan mereka berasa takut dan trauma apabila berhadapan dengan keadaan tertentu. Trauma atau *post-traumatic stress disorder* merupakan satu tindak balas emosi terhadap sesuatu keadaan mengejutkan atau menyedihkan dan seterusnya trauma boleh menyebabkan kebimbangan dalam kalangan mangsa banjir (Carrol et al., 2010). Disebabkan kejadian itu, mangsa banjir susah untuk tidur pada waktu malam tambahan lagi jika hujan turun dengan lebat ketika itu. Mangsa banjir juga melahirkan kebimbangan dan ada di antara mereka menyatakan ingin berpindah ke tempat yang lebih selamat. Walau bagaimanapun, hasrat tersebut terpaksa dilupakan kerana sukar untuk mendapatkan rumah sewa pada kadar sewa yang mampu dibayar seperti di kawasan Hulu Dungun ini. Selain daripada itu, tuntutan kerja menyebabkan mangsa banjir terus menetap di beberapa kampung yang cenderung banjir di Hulu Dungun.

#### d. Perubahan suasana hidup

Bencana banjir yang berlaku di Hulu Dungun sedikit sebanyak telah menjaskankan suasana hidup berkomuniti yang lazimnya menjadi amalan oleh penduduk di situ. Dalam hidup berkomuniti, jiran memainkan peranan penting dalam melahirkan suasana harmoni di sesebuah kawasan petempatan. Hubungan kejiranan dan interaksi sosial antara jiran-jiran seperti ziarah-menziarahi, bertegur-sapa, tolong-menolong, berekreasi atau bersantai sesama ahli dalam kawasan petempatan sama ada secara formal atau tidak formal adalah penting. Kesan bencana banjir terhadap suasana hidup bagi penduduk di Hulu Dungun dapat dilihat dengan ketara dalam kemerosotan hubungan dan interaksi sosial antara kejiranan. Majoriti informan dalam kajian ini berpendapat hubungan kejiranan antara mereka masih baik dan rapat antara satu sama lain walaupun pada awalnya iaitu ketika bencana banjir berlaku, interaksi antara kejiranan agak terganggu.

Beberapa orang mangsa banjir menceritakan suasana di kampung mereka yang dulunya riuh-rendah bertukar menjadi sunyi-sepi selama hampir dua bulan akibat bencana banjir yang menimpas seluruh penduduk kampung di Hulu Dungun. Seorang informan iaitu Puan Raihan menyatakan bahawa sejak kejadian itu penduduk kampung hanya menghabiskan masa di dalam rumah masing-masing. Hal ini menyebabkan proses interaksi antara mangsa banjir dengan jiran-jiran ada penduduk lain jarang berlaku ketika itu.

*"...kami hidup macam biasa je... penat lelah biasa laa bagi kami... yang sedihnya semua bertukar... suasana kat kampung nie pun jadi suram... muram je lepas tue... semua duk kurung (berkurung) dalam rumah je... nok (hendak) cakap pun susah aritue... dok (tidak) tahu nape... sedih kot..."*

Begitu juga menurut informan Cik Khaireen, walaupun mereka sekeluarga dapat meneruskan kehidupan seperti biasa tetapi suasana di kampungnya dirasakan agak janggal selepas ditimpa musibah tersebut.

*“dulu masa mula-mula banjir jadi... kami sekeluarga hidup macam biasa... mula-mula tue jarang kuor (keluar) rumah... sebab tengok orang kampung semua senyap je duk dalam rumah masing-masing... kalau kuor pun gi koloh (sekolah) je... dulu petang-petang sibuk pusing kampung ngan motor ayoh... bila jadi gitu... lain je rasa... jap agi banjir 2016 pulok... tawakal je laa gane-gane kekgi... hok (yang) lepas pun terasa janggal lagi... lain rasa suasana bila banjir ngan dok (tidak nie...)”*

Ini kerana ketika bencana banjir berlaku secara tiba-tiba, kebanyakan mangsa sudah tidak lagi menghiraukan dan mempedulikan antara satu sama lain. Bagi sesetengah penduduk yang terlibat mereka hanya mampu memikirkan keselamatan diri dan ahli keluarga sahaja ketika itu. Manakala, ketika fasa pascabanjir pula, mereka juga hanya menumpukan sepenuh perhatian terhadap kerja-kerja baikpulih, pembersihan dan sebagainya di rumah masing-masing. Fenomena kelonggaran hubungan kejiranian dan budaya tolong-menolong, ziarah-menziarahi dan sebagainya menjadi suram sehingga keadaan pulih seperti sedia kala. Bukti, melalui pemerhatian semasa temu bual dijalankan, setelah sekian lama kejadian bencana banjir berlaku penduduk kampung dilihat telah dapat meneruskan kehidupan dan kefungsian seperti normal seolah-olah tiada bencana banjir berlaku sebelum ini. Mereka dilihat telah dapat bergurau sesama mereka dan boleh ketawa semasa berbual-bual.

## 5. Kesimpulan

Bencana banjir sememangnya memberi impak yang besar dan mengakibatkan berlaku gangguan kepada kehidupan sosial manusia. Selain merubah aspek persekitaran fizikal penduduk, bencana tersebut memberi kesan terhadap kualiti kehidupan manusia. Bencana banjir yang berlaku di Hulu Dungun pada tahun 2014 menyebabkan kualiti hidup penduduknya merosot terutama bagi mereka yang menjadi mangsanya. Bencana banjir yang berlaku memberi impak sosial terhadap perpindahan penduduk, ekonomi, kesihatan dan perubahan suasana hidup dalam kalangan penduduk. Impak ekonomi merupakan impak yang ketara dan paling dirasai oleh hampir kesemua mangsa banjir yang terlibat. Hal ini kerana kehilangan aset adalah satu kejatuhan dalam kualiti hidup atau kemelesetan serius daripada pelaburan sosioekonomi mangsa banjir. Dengan mengambil langkah-langkah persediaan, penduduk mampu untuk meminimumkan impak negatif bencana ini sekiranya berlaku lagi. Selain itu, pihak pengurusan dan penduduk setempat juga harus bekerjasama supaya kerugian harta benda dapat dikurangkan dan kehilangan nyawa dapat dielakkan.

## 6. Rujukan

- Borneo Post, 2014. Goverment to carry out post mortem on floods. *Borneo Post Online*, [online] 31 Dis. Daripada <http://www.theborneopost.com/2014/12/31/government-to-carry-out-post-mortem-on-floods/> [Diakses pada 31 Oktober 2017].
- Carrol, B., Balogh, R., Morbey, H. dan Aroaz, G. 2010. Health and social impact of flood disaster: responding to needs and implications for practice. *Disasters*, 34(1), pp. 1045-1063.
- Drabek, T. E., 2004. Emergent phenomena and the sociology of disaster: lessons, trends and opportunities from research literature. *Disaster Prevention and Management*, 12(2), pp. 97-112.
- Haryati Shafii dan Sharifah Meryam Shareh Musa, 2009. Pengaruh kejadian banjir di Batu Pahat terhadap persekitaran dan habitat manusia. Di: ATMA (Institut Alam dan Tamadun Melayu). *Seminar Antarabangsa ke 2 dalam ekologi, habitat manusia dan perubahan persekitaran*. Riau, Indonesia, 20-21 Oktober. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim Komoo, 2014. Bencana banjir besar: respon dasar, tindakan dan penyelidikan. Daripada [http://rmc.umt.edu.my/wpcontent/upload/sites/68/2015/Bencana\\_Banjir\\_2104\\_Respons\\_Dasar](http://rmc.umt.edu.my/wpcontent/upload/sites/68/2015/Bencana_Banjir_2104_Respons_Dasar)

- \_Tindakan\_dan\_Penyelidikan.pdf [Diakses pada 20 Oktober 2017].
- International Charter Space and Major Disaster. 2004. *Tsunami, Indonesia and Thailand*. [online] Canadian Space Agency. Daripada [http://www/disasterscharter.org/disaster/CALLID\\_079\\_e.html](http://www/disasterscharter.org/disaster/CALLID_079_e.html) [Diakses pada 25 Oktober 2017].
- Kaniasty, K., dan Norris, F. N., 2004. *Social support in the aftermath of disaster, catastrophe and acts of terrorism: altruistic, overwhelmed, uncertain, antagonistic and patriotic communities*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Lindell, M. K., dan Prater, C. S., 2003. Assessing community impacts of natural disasters. *Natural Hazard Review*, 4(4), pp. 176-185.
- March, G., 2002. *Natural disasters and the impacts on health*. Summer Student with ICLR. University of Western Ontario.
- Norris, F. H., 2005. Range, magnitude and duration of the effects of disasters on mental health. Daripada [http://www.redmh.org/research/general/REDMH\\_effects.pdf](http://www.redmh.org/research/general/REDMH_effects.pdf) [Diakeses pada 1 November 2017].
- Rohany Nasir, 2014. *Kesan psikologi bencana alam kes banjir di Cameron Highlands*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohany Nasir dan Zainah Ahmad Zamani, 2012. Kesan psikologi ke atas penduduk setempat akibat banjir besar Johor 2006/2007. Dlm: Baharudin, Y., Maimon, A., dan Salmijah, S., ed. 2012. *Banjir Besar Johor*. Bangi: Penerbit UKM. pp. 102-113.
- Zulhisham Ishak, 2015. TPM bentang hasil forensik banjir. *Utusan Online*, 30 Mac [online]. Daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/tpm-bentang-8232-hasil-forensik-banjir-1.75233> [Diaskes pada 1 November 2017].